

PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN DAKWAH HAMKA DAN M.
NATSIR: KAJIAN TERHADAP DAKWAH KULTURAL DAN
STRUKTURAL

ABDULLAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2011

PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN DAKWAH HAMKA DAN M.
NATSIR: KAJIAN TERHADAP DAKWAH KULTURAL DAN
STRUKTURAL

Oleh

ABDULLAH

Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi ijazah
Doktor Falsafah

Julai 2011

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 Julai 2011

ABDULLAH
P-HD0008/06(R)

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur hanya ditujukan ke hadrat Allah s.w.t. dan selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Adalah dengan taufiq dan limpahan kurnia Allah jua, maka tesis ini dapat disiapkan seperti mana yang diharapkan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan Bin Sabjan selaku penyelia utama tesis ini dan Prof. Madya Dr. Siti Hajar Che Man selaku penyelia bersama. Kedua-dua mereka telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan kritikan ilmiah untuk kesempurnaan kajian ini. Tanpa bantuan dan sikap toleransi kedua-dua mereka, sukar bagi saya untuk menyiapkan tesis ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan dan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dekan dan Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia yang secara tidak langsung memungkinkan saya menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia. Begitu juga dengan para pensyarah Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), para pegawai Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan rakan-rakan yang banyak memberi bantuan dan dorongan dalam merealisasikan tesis ini.

Terima kasih juga saya rakamkan kepada Rektor dan Timbalan-timbalan Rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara Medan, Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan Fakultas Dakwah IAIN Sumatera Utara yang memberikan izin dan

dukungan biaya untuk melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Selanjutnya, saya juga merakamkan ucapan terima kasih yang amat tulus kepada ayahanda Muhammad Jamil bin Abdullah (*Allāhyarḥam*) dan ibunda Hajah Saidah binti Banta (*Allāhyarḥamah*) yang telah mendidik dan berkorban demi kejayaan saya. Sekalung budi buat isteri Rita Zahara Lubis bin Abdul Wahab Lubis serta anak-anak tersayang Fauziah Nur Ariza, Fauzan Akmal Ariza dan Nabila Putri Ariza di atas ketabahan berkurangnya perhatian dan kasih sayang selama saya mengikuti pengajian, demi kejayaan penulisan tesis ini.

Akhir kata, saya memohon ke hadrat Allah s.w.t. semoga segala bantuan dan jasa baik yang diberikan oleh semua pihak akan mendapat balasan-Nya, *Āmīn*.

Abdullah

Jalan Nusantara Gang Makmur Nombor 736

Bandar Khalifah, Percut Sei Tuan Medan

Indonesia-20371

SENARAI KANDUNGAN

PENAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
PANDUAN TRANSLITERASI	viii
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1. PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.2. Pernyataan Masalah Kajian	7
1.3. Objektif Kajian	11
1.4. Tinjauan Kajian Lepas	12
1.5. Skop Kajian	19
1.6. Kepentingan Kajian	20
1.7. Kaedah Kajian dan Teknik Penulisan	21
1.7.1. Pendekatan kajian	21
1.7.2. Pengumpulan Data	21
1.7.2.1. Data dari Perpustakaan	21
1.7.2.2. Data dari Lapangan	23
1.7.3. Teknik Pengolahan dan Analisis Data	23
BAB 2. KONSEP DAKWAH ISLAM	25
2.1. Pengenalan	25
2.2. Definisi Dakwah	25
2.3. Istilah yang Berkaitan dengan Dakwah	34
2.3.1. <i>Al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar</i>	34
2.3.2. <i>Tabligh</i>	43
2.3.3. <i>Tabsyīr</i> dan <i>indhār</i>	45
2.4. Ruang Lingkup Dakwah	47
2.4.1. Dakwah <i>bi al-lisān</i>	48
2.4.2. Dakwah <i>bil al-kitābah</i>	51
2.4.3. Dakwah <i>bi al-ḥāl</i>	52
2.5. Konsep Dakwah Kultural	55
2.5.1. Konsep Dasar Kultural	56
2.5.2. Proses Dakwah Kultural	58
2.6. Konsep Dakwah Struktural	60
2.6.1. Politik dan Dakwah	64
2.6.2. Politik Sebagai Instrumen Dakwah	66

BAB 3. LATAR BELAKANG KEHIDUPAN HAMKA DAN M. NATSIR	70
3.1. Pengenalan	70
3.2. Latar Belakang HAMKA	70
3.2.1. Kelahiran dan Pendidikan	70
3.2.2. Pengembaraan dan Kunjungan	75
3.2.3. Pemikiran dan Karya	83
3.2.4. Pengiktirafan Kepakaran	87
3.2.5. Masa Pahit dalam Kehidupan	88
3.3. Latar Belakang M. Natsir	92
3.3.1. Kelahiran dan Pendidikan	92
3.3.2. Pengembaraan dan Kunjungan	97
3.3.3. Pemikiran dan Karya	98
3.3.4. Pengiktirafan Kepakaran	100
3.3.5. Masa Pahit dalam Kehidupan	101
3.4. Pertemuan dan Kerjasama M. Natsir dan HAMKA	102
BAB 4. PEMIKIRAN DAKWAH HAMKA DAN M. NATSIR	106
4.1. Pengenalan	106
4.2. Hubung Kait Islam dan Dakwah	106
4.3. Hukum Berdakwah	115
4.4. Pendakwah (<i>dā'i</i>)	125
4.5. Topik Dakwah (<i>Maddah al-Da'wah</i>)	132
4.6. Sasaran Dakwah (<i>Mad'uw</i>)	138
4.7. Kaedah Dakwah (<i>Tariqah al-Da'wah</i>)	141
4.8. Matlamat Dakwah (<i>Maqāsid al-Da'wah</i>)	150
4.9. Organisasi Dakwah (<i>Muassasah al-da'wah</i>)	154
4.10. Cabaran Dakwah	158
4.11. Analisis Pemikiran Dakwah Hamka dan M. Natsir	170
BAB 5. PERJUANGAN DAKWAH HAMKA DAN M. NATSIR	172
5.1. Pengenalan	172
5.2. Perjuangan Dakwah HAMKA	172
5.2.1. Pembetulan terhadap Amalan Salah Adat Minangkabau	172
5.2.2. Perubahan Adat Minangkabau	179
5.2.3. Penggunaan Media Massa	180
5.2.3.1. Majalah	180
5.2.3.1. (a). Majalah Pedoman Masyarakat	181
5.2.3.1. (b). Majalah Panji Masyarakat	183
5.2.3.2. Melalui Televisyen dan Radio	184
5.2.4. Melalui Organisasi Muhammadiyah	185
5.2.5. Melalui Parti Masyumi	188
5.2.6. Melalui Masjid Al-Azhar	189

5.2.7. Melalui Majelis Ulama Indonesia (MUI)	190
5.3. Perjuangan Dakwah M. Natsir	194
5.3.1. Melalui Jalur Pendidikan	195
5.3.2. Penggunaan Media Massa	199
5.3.3. Melalui Jalur Politik dan Pemerintahan	200
5.3.3.1. Melalui Partai Masyumi dan Parlimen	201
5.3.3.2. Melalui PRRI	203
5.3.4. Melalui Dewan Dakwah Islam Indonesia	205
BAB 6. ANALISIS DAKWAH KULTURAL DAN STRUKTURAL	209
6.1. Pengenalan	209
6.2. Dakwah Kultural	209
6.2.1. Dakwah Kultural HAMKA	211
6.2.2. Dakwah Kultural M. Natsir	219
6.3. Dakwah Struktural	221
6.3.1. Dakwah Struktural HAMKA	223
6.3.2. Dakwah Struktural M. Natsir	224
6.4. Konsep Dakwah untuk Masa Depan	231
BAB 7. RUMUSAN DAN KESIMPULAN	237
7.1. Rumusan Kajian	237
7.2. Saranan	250
BIBLIOGRAFI	254
LAMPIRAN:	273
Lampiran 1. Foto HAMKA	273
Lampiran 2. Foto M. Natsir	274
Lampiran 3. Senarai Informan	275
Lampiran 4. Senarai Soalan Temu Bual	276
Lampiran 5. Surat Pengesahan Temu Bual	277

SENARAI JADUAL

Bil	Jadual	Muka Surat
3.1	Perjalanan dan aktiviti HAMKA	82
3.2	Perjalanan dan aktiviti M. Natsir	98
5.1	Perjuangan dakwah HAMKA	194
5.2	Perjuangan dakwah M. Natsir	208

PANDUAN TRANSLITERASI*

Panduan merumikan perkataan, frasa, dan nama-nama khas dalam bahasa Arab yang dijelaskan di sini adalah berasaskan kaedah transliterasi yang digunakan di peringkat antarabangsa dan selaras dengan kaedah yang terdapat dalam Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Senarai Istilah Agama dan Daftar Istilah MBIM juga dijadikan rujukan semasa merumikan perkataan dan sebagainya.

ABJAD ARAB

Abjad Arab dan sebutannya hendaklah ditransliterasikan mengikut panduan yang berikut:

Abjad	Sebutan Arab	Transliterasi Rumi
ا	(alif)	a
ب	(bā)	b
ت	(tā)	t
ث	(thā)	th
ج	(jīm)	j
ح	(hā)	ḥ
خ	(khā)	kh
د	(dāl)	d
ذ	(dhāl)	dh
ر	(rā)	r
ز	(zāy)	z
س	(sīn)	s
ش	(shīn)	sh
ص	(sad)	ṣ
ض	(dād)	ḍ
ط	(tā)	ṭ
ظ	(zā)	ẓ
ع	(‘ayn)	‘
غ	(ghyn)	gh

* Mengikut *Gaya Dewan: Sebuah Panduan Kerja Penerbitan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).

ف	(fā')	f
ق	(qāf)	q
ك	(kāf)	k
ل	(lām)	l
م	(mīm)	m
ن	(nūn)	n
و	(wāw)	w
ه	(hā)	h
ء	(hamzah)	,
ي	(yā)	y
ة	(tā marbutah)	h (ketika dimatikan bunyinya) ṭ (ketika perlu dihidupkan bunyinya)

KONSONAN

Semua huruf konsonan Arab ditransliterasikan berserta dengan bunyi barisnya. Bunyi huruf akhir dimatikan

Tanpa 'al'

ا	اسم	ism
ب	ابل	ibil
ت	تمر	tamar
ظ	ظهر	ẓuhr
ي	يوم	yaum

Berserta 'al'

الاسم	al-ism
الابل	al-ibil
التمر	al-tamar
الظهر	al-ẓuhr
اليوم	al-yaum

VOKAL PANJANG

Semua vokal panjang atau madd (di atas, di bawah, dan di hadapan) ditandai dengan ā, ī, ū.

Di atas

ادم	Ādam
صفا	ṣafā

di bawah

ايلاء	īlā'
قيل	qīla

di hadapan

اولى	ūlā
سورة	sūrah, sūrāt

BARIS DUA

Beberapa perkataan Arab yang perlu dinyatakan bunyi baris dua (tanwin) pada setiap masa hendaklah ditransliterasikan sepenuhnya tanpa dimatikan bunyi akhir.

رَاضِي	raḍīn	مَعْنَى	ma'nan
قَاضِي	qāḍīn	رَضَى	riḍān

TASHDĪD/SHADDAH

Huruf Arab yang bertashdid hendaklah ditransliterasikan dengan huruf rumi dan dinyatakan vokal sebelumnya.

بَوَاب	= bawwāb	حَي	= ḥayy
--------	----------	-----	--------

NAMA ARAB

Nama Arab, panggilan nama Arab, dan nama kitab Arab hendaklah dieja berdasarkan kaedah yang dijelaskan di atas. Huruf pertama bagi nama khas dicetak dengan huruf Besar. Lihat di bawah.

أَبُو بَكْرٍ الصِّدِّيقِ	Abū Bakr al-Ṣiddīq
عُمَرُ بْنُ الْعَزِيزِ	‘Umar ibn ⁺ ‘Abd al-‘Azīz
أَبْنُ رِشْدٍ	Ibn* Rushd
الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ	al-Imām al-Shafi‘iy
قَامُوسُ الْمُحِيطِ	Qāmūs al-Muḥīṭ

Tiap-tiap perkataan dalam frasa nama ditransliterasikan satu per satu menurut kaedah yang dijelaskan di atas.

الْفَتْوَحَاتُ الْكُبْرَى	al-Futūḥāt al-Kubrā
أُمُّ الْقُرْآنِ	umm al-Qur’ān
صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ	ṣadaqaṭ jāriyah
	ṣadaqah jariyat

⁺ ابن *ibn* . Oleh itu kata ini hendaklah ditransliterasikan ‘ibn’ dan dicetak huruf kecil kerana fungsinya seperti ‘bin’

* ‘Ibn’ dieja dengan huruf besar jika fungsinya sebagai kata nama khas

SENARAI SINGKATAN

A. SINGKATAN

AMS	= <i>Agemene Middelbare School</i>
a.s.	= <i>'alayh al-salām</i>
<i>et-al</i>	= <i>at alii</i> (dan kawan-kawan, lebih dari tiga orang)
Cet.	= Cetakan
DDII	= Dewan Dakwah Islam Indonesia
DPR	= Dewan Perwakilan Rakyat
Ed.	= Editor
H	= Hijrah
HAMKA	= Haji Abdul Malik Karim Amrullah
HIS	= <i>Hollands Inlandche School</i>
JIB	= <i>Jong Islamiten Bond</i>
Jl.	= Jilid
Jz.	= Juzuk
IAIN	= Institut Agama Islam Negeri
Ibid	= <i>Ibidem</i> (sumber yang sama yang baru saja disebutkan)
IT	= <i>Information Technology</i>
M	= Masihi
m.s	= muka surat
MULO	= <i>Meer Uitgebreit Leger Onderwijs</i>
MUI	= Majelis Ulama Indonesia
MASYUMI	= Majelis Syuro Muslimin Indonesia
NKRI	= Negara Kesatuan Republik Indonesia
n.h	= nombor Hadis
NU	= Nahdhatul Ulama
NASAKOM	= Nasional Agama Komunis
R.I	= Republik Indonesia
s.a.w	= <i>Ṣalla Allah aliyh wa al-salām</i>
s.w.t	= <i>Subhānahu wata'āla</i>

SI	= Syarikat Islam
UIN	= Universiti Islam Negeri
UISU	= Universiti Islam Sumatera Utara
UMI	= Universiti Muslim Indonesia
USM	= Universiti Sains Malaysia
UTND	= Universiti Tjut Nyak Dhien
Peny.	= Penyunting
PKI	= Parti Komunis Indonesia
PGAI	= Persatuan Guru Agama Islam
PRRI	= Pergerakan Revolusi Republik Indonesia
PTAIN	= Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri
Terj.	= Terjemahan
t.n.p	= Tanpa nama penerbit
t.t.	= Tanpa Tarikh
t.t.p	= Tanpa tempat penerbit
w.	= wafat

PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN DAKWAH HAMKA DAN M. NATSIR:
KAJIAN TERHADAP DAKWAH KULTURAL DAN STRUKTURAL

ABSTRAK

Penyelidikan tesis ini bertujuan mengkaji empat perkara, iaitu mengenal pasti pemikiran dakwah HAMKA dan M. Natsir; strategi perjuangan dakwah; pendekatan dakwah kultural dan struktural serta konsep untuk kejayaan dakwah masa depan. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah. Data dapatan akan dianalisis dengan menggunakan analisis isi.

HAMKA dan M. Natsir berpandangan bahawa terdapat hubung kait yang rapat antara Islam dengan dakwah serta bersepakat bahawa hukum berdakwah adalah wajib atau fardu. Dalam makna fardu *ain*, menurut HAMKA adalah kewajipan ibu bapa untuk mendakwahkan keluarga masing-masing. HAMKA dan M. Natsir juga meletakkan pendakwah pada suatu kedudukan yang mulia sebagai penyambung perutusan Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu, pendakwah harus memiliki sifat kenabian iaitu akhlak yang terpuji dan menjadi teladan kepada semua umat Islam.

HAMKA dan M. Natsir sepakat bahawa mesej dakwah harus bersumberkan al-Quran dan Hadis serta upaya mendekati umat kepada kedua-dua sumber itu. Selain itu, mesej dakwah harus berdasarkan keutamaan iaitu tauhid. Dari sudut pandangan HAMKA, matlamat dakwah sama dengan matlamat diutusny Nabi Muhammad s.a.w. iaitu sebagai rahmat bagi semesta alam. Oleh itu, dakwah tidak terhad pada bidang ibadah sahaja, melainkan harus merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial budaya dan persekitaran. Manakala, dari sudut pandangan M. Natsir, matlamat dakwah adalah untuk menjaga potensi manusia iaitu fitrah beragama,

akal serta kalbu dan kemudian mengarahkannya agar bersesuaian dengan tuntunan wahyu. Kedua-dua tokoh ini juga berpandangan bahawa organisasi dakwah adalah sangat penting, kerana banyak perkara yang tidak dapat dilakukan dengan dakwah *fardiyah*. Dalam hubung kait ini, M. Natsir menganjurkan supaya ada kumpulan pakar dalam setiap organisasi untuk menangani cabaran dan percanggahan dakwah.

Dalam konteks dakwah kultural, HAMKA melakukannya melalui organisasi Muhammadiyah dan Majelis Ulama Indonesia (MUI), selain dakwah secara lisan (*bi al-lisān*) dan tulisan (*bi al-kitābah*) melalui buku dan majalah. Manakala aktiviti dakwah kultural M. Natsir adalah melalui institusi pendidikan dan Dewan Dakwah Islam Indonesia. Sementara bagi HAMKA, dakwah struktural sangat mencabar, iaitu sebagai penasihat kepada pemerintah Jepun dan melalui parti Masyumi. Manakala M. Natsir, melalui Parti Masyumi (1949-1958), Menteri Penerangan (1946-1949) dan sebagai Perdana Menteri (1950-1951).

Untuk kejayaan dakwah kultural masa depan, dua model pendakwah berikut amat diperlukan, iaitu ulama yang intelektual dan intelektual yang *'ālim*. Sementara untuk menjayakan dakwah struktural, perlu sokongan dan kerjasama antara organisasi dakwah dengan kerajaan dan parlimen.

HAMKA AND M. NATSIR'S *DAKWAH* THOUGHTS AND
STRUGGLE: AN ANALYSIS ON CULTURAL AND STRUCTURAL *DAKWAH*

ABSTRACT

The thesis focuses on four main issues: thoughts of HAMKA and M. Natsir, strategies of *dakwah*, approaches to cultural and structural *dakwah*, and ideas for the success of future *dakwah*. The research adopts a historical approach through literature review. Obtained data are analyzed using content analysis.

HAMKA and M. Natsir contend that there is a close relationship between Islam and *dakwah*, and that performing *dakwah* activities is an obligation. However, HAMKA claims that the individual obligation of *dakwah* refers to the obligations of parents to do *dakwah* activities to their families. HAMKA and M. Natsir regard *dakwah* as an honorable duty, for those who are involved in *dakwah* are delivering the messages of the Prophet. Therefore, those who give the *dakwah* should have prophet-like personalities such as honorable behaviors to allow them to become role-models in their communities.

According to HAMKA and M. Natsir, the contents of *dakwah* should be sourced from the Qur'an and Hadith and to bring the people closer to the two sources. In addition, *dakwah* activities should also be based on the *tauhid*. HAMKA states that *dakwah* activities should embrace similar directions to the missions of the Prophet Muhammad, which is to bring blessings throughout the universe. Therefore, *dakwah* activities should not be limited only to religious observances. They should also include other aspects of life such as economy, politics, culture and environment. In M. Natsir's opinion, the aim of *dakwah* activities is to keep the inherent potency of human beings,

the religious instincts and souls, and guide them to keep in line with the revelations. Both HAMKA and M. Natsir consider a *dakwah* organization to be important, for there are many things which cannot be accomplished by individuals in separation doing *dakwah*. M. Natsir suggests that experts in each organization have the capacity to deal with the problems and challenges of their *dakwah* activities.

In the context of cultural *dakwah*, HAMKA had been involved in the activities of Muhammadiyah and the Council of Indonesian *Ulama* (MUI), in addition to presenting speeches and doing writings in books and magazines. Meanwhile, M. Natsir conducted his cultural *dakwah* with his involvement in educational institutions and the Board of Indonesian Islamic *Dakwah* (Dewan Dakwah Islam Indonesia). In terms of structural *dakwah*, HAMKA was a consultant to the government of Japan and through the Masyumi party. M. Natsir was also involved in the Masyumi party, the Minister of Information and the Prime Minister.

For a successful cultural *dakwah* in the future, two models of such *da'i* are needed: intellectual *Ulamas* and *Ulama* intellectuals. As for the structural *dakwah*, there is a need for support and cooperation among *dakwah* organizations, the government and the parliament.

BAB 1

PENDAHULUAN

1. 1. Pengenalan

Islam adalah agama dakwah,¹ iaitu agama yang mewajibkan setiap umatnya untuk mengajak dan menyampaikan kebenaran yang datangnya dari Allah s.w.t. agar nilai rahmat keislaman dapat disemai dalam kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan juga negara. Aktiviti mulia ini telah menjadi amalan sejak Nabi Adam a.s. hinggalah Nabi Muhammad s.a.w.² Kini menjadi tugas umat Islam untuk melanjutkan misi kenabian itu.

Suruhan berdakwah terdapat dalam al-Quran dan Hadis. Kedua-duanya merupakan sumber utama ajaran Islam yang berfungsi sebagai petunjuk (*hudan*) bagi umat Islam. Menurut Sayyid Quṭb (1906-1966 M), al-Quran merupakan sebuah kitab dakwah yang mengandungi semangat kemajuan dan menjadi rujukan para pendakwah.³

Meskipun al-Quran disebut sebagai kitab dakwah, namun di dalamnya hanya memuatkan hal-hal utama sahaja. Sedangkan pengembangan konsep dakwah selanjutnya menjadi tugas ulama, cendekiawan dan pemikir dakwah dari masa ke masa. Pengembangan konsep dakwah terutamanya yang berhubung kait dengan

¹ Para ulama memandang demikian, kerana kebenaran ajaran Islam harus tersiar secara luas. Lihat antara lain Sayyid Quṭb. (1986). *Fi Zilāl al-Qurān*. Jz. I. Bayrūt: Dār al-Syurūq. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Sayyid Quṭb, *Fi Zilāl al-Qurān*), m.s. 129. Lihat juga, A. Mukti Ali. (1987). *Beberapa Persoalan Agama Dewasa Ini*. Jakarta: Rajawali Pers. (Selanjutnya dirujuk sebagai: A. Mukti Ali, *Beberapa Persoalan*), m.s. 71.

² Hal ini ditegaskan dalam al-Quran surah *al-Nahl* [16] ayat 36, maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah mengutus rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyerukan); sembahlah Allah dan jauhilah taghut. Maka di antara umat itu ada orang yang diberi petunjuk oleh Allah dan ada pula di antaranya orang-orang yang telah pasti kesesatan baginya. Maka berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan rasul-rasul.*

³ Sayyid Quṭb (1986). *Fiqh al Da'wah*. (Terj.) Suwandi Effendi. Jakarta: Pustaka Amani. (Selanjutnya dirujuk sebagai Sayyid Quṭb: *Fiqh al Da'wah*), m.s. 11.

unsur-unsur dakwah yang sudah lazim dikenali iaitu, pendakwah (*dā'i*),⁴ sasaran dakwah (*mad'uw*)⁵, topik dakwah (*maddah*)⁶, kaedah dakwah (*ṭarīqah*)⁷, matlamat dakwah (*maqāsid*)⁸ dan organisasi dakwah (*muassasah*).⁹

Pengembangan konsep dakwah seharusnya berdasarkan kontekstual dan keadaan semasa. Kontekstual adalah pengembangan dakwah yang mengaitkan keadaan tempat, wilayah dan negara serta keadaan masyarakat yang menjadi sasaran dakwah. Konsep dakwah semasa memfokuskan kepada kemajuan zaman, ilmu dan teknologi maklumat serta cabaran era globalisasi.

Perkiraan kontekstual adalah penting bagi penyusunan konsep dakwah yang merangkumi cabaran dan percanggahannya. Dengan demikian diharapkan pemikiran, konsep dan aktiviti dakwah selari dengan dinamik dan perkembangan kehidupan masyarakat yang sentiasa mengalami perubahan dari masa ke masa.

⁴ Selain istilah *dā'i* juga dikenali istilah *muballigh*, iaitu orang yang menyampaikan dan mengajak serta merubah suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik berdasarkan petunjuk agama Islam. Lihat, Abdullah. (2002). *Wawasan Dakwah: Kajian Epistemologi, Konsepsi dan Aplikasi Dakwah*. Cet. II. Medan: IAIN Press, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Abdullah, *Wawasan Dakwah*), m.s. 43.

⁵ Masyarakat yang menjadi sasaran dakwah disebut juga pendengar, penonton dan pembaca. Mereka dapat dikenali berdasarkan jantina, usia, pekerjaan, tempat tinggal iaitu bandar atau kampung dan sosial ekonomi. Lihat, M. Arifin. (1991). *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar*. Jakarta: Bumi Aksara, (Selanjutnya dirujuk sebagai: M. Arifin, *Psikologi Dakwah*), m.s. 3-4.

⁶ Topik dakwah berasaskan pada al-Quran dan al-Sunnah, tidak terhad pada soalan tauhid, fiqah dan akhlak sahaja, namun merangkumi ketamadunan Islam. Lihat, Marwah Daud Ibrahim. (1994). *Teknologi Emansipasi dan Transendensi: Wacana Peradaban dengan Visi Islam*. Bandung: Mizan. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Marwah Daud, *Teknologi Emansipasi*), m.s.193-194.

⁷ Kaedah dakwah biasanya dihurai daripada konsep al-Quran surah *al-Nahl* [16] ayat 125, yang maksudnya: “*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk*”.

⁸ Tujuan dakwah dapat dilihat dari pelbagai tinjauan, seperti untuk meluruskan aqidah, membetulkan amal, membina akhlak, mengukuhkan persatuan dan ukhwah Islamiyah, melawan kelompok tak bertuhan dan menolak syubhat agama. Lihat, Syeikh ‘Alī Maḥfūz. (1952). *Hidāyah al-Mursyidīn*, Al-Qāhirah: Dār al-Kitābah. (Selanjutnya dirujuk sebagai: ‘Alī Maḥfūz, *Hidāyah al-Mursyidīn*), m.s. 16.

⁹ Organisasi dakwah adalah perkumpulan umat Islam yang melaksanakan pelbagai aktiviti untuk kejayaan Islam dan memiliki pentadbiran khusus tentang hal ehwal dakwah. Lihat, Departemen Agama Republik Indonesia. (1988). *Pola Umum Pengembangan Lembaga Dakwah*. Jakarta: Ditjen Bimas Islam dan Urusan Haji, m.s. 5. Organisasi dakwah di Indonesia antara lain: Muhammadiyah (1912), Nahdhatul Ulama (1926), Al-Washliyah (1930), Dewan Dakwah Islam Indonesia (1867) Majelis Ulama Indonesia (1976), dan Itihadul Muballighin (1978).

Dalam rangka mewujudkan harapan tersebut, pada setiap masa diperlukan pemikiran cemerlang daripada para pakar (*rijāl al-da‘wah*), yang dapat dijadikan sebagai rujukan sekunder¹⁰ dalam mengoptimumkan aktiviti dakwah pada alaf baru. Dengan memfokuskan kepada pemikiran tersebut, kegiatan dakwah akan lebih berkembang pesat. Selain itu, kegiatan dakwah diharapkan mampu menghilangkan pengaruh negatif akibat arus modenisasi dan globalisasi yang semakin mencabar.

Berbeza dengan bidang pendidikan, dakwah sama ada dari sudut minat pengkajiannya mahupun pengembangan pemikirannya, kurang mendapat perhatian pakar agama Islam di Indonesia¹¹. Demikian juga buku-buku dakwah kontemporari seperti disebutkan oleh Azyumardi Azra¹² amat sukar diperoleh. Di samping itu, wujudnya perbezaan di antara pemikiran dakwah dengan praktikal dakwah di lapangan. Disebabkan mesej dakwah tidak begitu relevan dengan keperluan dan perkembangan masyarakat, maka aktiviti dakwah kurang berjaya dalam menjawab pelbagai persoalan umat¹³.

Namun demikian, pada masa lampau terdapat pakar yang menaruh perhatian cukup serius dalam bidang dakwah di Indonesia, antaranya Haji Abdul

¹⁰ Rujukan utama mesej dakwah adalah al-Quran dan Hadis. Manakala rujukan sekunder boleh bersumber daripada pelbagai literatur.

¹¹ Fakulti Dakwah di Indonesia kurang mendapat sambutan dan kebanyakan mahasiswa yang mengikutinya adalah mereka yang tidak diterima oleh fakulti lain. Dari sudut kepakaran pun harus diakui belum banyak di Indonesia. Manakala dalam praktikalnya, *da‘i* melaksanakan dakwah hanya separuh masa atau sambilan sahaja. Lihat, Amrullah Ahmad. (1983). *Dakwah Islam dan Perubahan Sosial*. Yogyakarta: Prima Duta. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Amrullah Ahmad, *Dakwah Islam dan Perubahan Sosial*), m.s. 8.

¹² Beliau lahir di Lubuk Ulung, Sumatera Barat pada 4 Mac 1955. Memperoleh pendidikan tinggi daripada Fakulti Tarbiyah Insitut Agama Islam Negeri (IAIN) Syarif Hidayatullah Jakarta, 1982. Pendidikan Program Sarjana (Master) dalam bidang Sejarah Islam Timur Tengah, 1990 dan Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah Islam Asia Tenggara, 1992. Kedua-duanya diperoleh di Universiti Columbia, New York, Amerika Syarikat. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta, yang kini dikenali sebagai Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta.

¹³ Lihat, Azyumardi Azra, "Kata Pengantar" dalam A. Ilyas Ismail. (2008). *Paradigma Dakwah Sayyid Qutb:Rekonstruksi Pemikiran Dakwah Harakah*. Jakarta: Penamadani. (Selanjutnya dirujuk sebagai: A. Ilyas Ismail, *Paradigma Dakwah Sayyid Qutb*), m.s. xxvii.

Malik bin Abdul Karim Amrullah (HAMKA)¹⁴ dan Mohammad Natsir bin Idris Sutan Saripado (M. Natsir).¹⁵ Mereka juga memberikan perhatian terhadap pelbagai bidang ilmu lainnya. Cita-cita besar kedua-dua tokoh ini terlihat daripada pemikiran kreatif, idea, dan gagasan cemerlang mereka yang dinilai dari dahulu hinggalah kini.

HAMKA tidak hanya dikenal sebagai ulama atau tokoh pada peringkat kebangsaan di Indonesia, malahan sebagai tokoh antarabangsa terutamanya di Malaysia¹⁶ dan Singapura. Sebagai bukti ketokohnya, beliau pernah menerima gelaran Doktor Kehormat dari Universiti Al-Azhar Mesir tahun 1956 M dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tahun 1976 M, kerana pemikiran dan jasa-jasanya dalam bidang ilmu pengetahuan.¹⁷ Oleh itu, banyak pihak kemudian menyebut HAMKA sebagai tokoh Muslim antarabangsa.¹⁸

Selain sebagai pemikir, aktiviti dakwah HAMKA adalah melalui pelbagai pendekatan, antaranya pendekatan kultural dan struktural, sama ada secara bertulis mahupun perbuatan. Kebanyakan buku karya HAMKA berjihad mengubah tradisi masyarakat daripada tradisi jahiliyah dan tidak Islam kepada Islami.¹⁹ Demikian

¹⁴ Lahir pada 17 Februari 1908 di Sungai Batang Sumatera Barat dan meninggal dunia di Jakarta pada 24 Julai 1981. Lihat, Nasir Tamara et-al. (1983). *HAMKA di Mata Hati Ummat*, Jakarta: Sinar Harapan. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Nasir Tamara, *HAMKA di Mata Hati Ummat*), m.s. 51 dan 180.

¹⁵ Lahir 17 Julai 1908 di Kampung Jembatan Berukir, Alahan Panjang Sumatera Barat dan meninggal dunia 6 Februari 1993 di Jakarta. Lihat, Yusuf Abdullah Puar. *et-al.* (1978). *M. Natsir 70 Tahun, Kenangan Hidup dan Perjuangan*. Jakarta: Pustaka Antara. m.s.1.

¹⁶ HAMKA dianggap pro-Malaysia oleh Soekarno, Presiden pertama Indonesia. Meskipun demikian, ketika terjadi ketegangan antara Indonesia dan Malaysia pada tahun 1962, HAMKA bertindak sebagai mediatornya.

¹⁷ Lihat, Harun Nasution, *et-al.* (1992). *Ensiklopedi Islam Indonesia*. Jakarta: Jambatan. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Harun Nasution, *Ensiklopedi Islam*), m.s. 294.

¹⁸ Ahmad Syafi'i Ma'arif misalnya menyebutkan HAMKA sebagai modenis dan neomodernis, yang disejajarkan dengan Ahmad Khan (1817-1898 M), Jamal al-din al-Afghani (1838-1896 M), Muhammad 'Abduh (1849-1905 M), Muhammad Iqbal (1877-1938 M), Agus Salim (1884-1954) M. Natsir (1908-1993), Fazlur Rahmān (1929-1982) dan 'Ali Syari'ati (1933-1977). Lihat, Ahmad Syafi'i Ma'arif (1995). *Peta Bumi Intelektual Muslim di Indonesia*. Bandung: Mizan. (Selanjutnya dirujuk sebagai: A. Syafi'i Ma'arif, *Peta Bumi Intelektual*), m.s. 12.

¹⁹ Abdurrahman Wahid menyebutkan bahawa semua karya tulis HAMKA mengandungi pesan dakwah. Lihat Nasir Tamara, *HAMKA di Mata Hati Umat*. m.s. 20.

juga dakwah *bi al-lisān* melalui ceramah, khutbah dan *ta'lim*, juga melalui radio dan televisyen.

Manakala M. Natsir tidak hanya memiliki kecemerlangan untuk pengembangan dakwah, malah sebagai pendakwah atau pemimpin umat. Selain itu M. Natsir bersama kumpulan tokoh lainnya, turut mengelola kegiatan dakwah di Indonesia juga di peringkat antarabangsa. M. Natsir menjadi pengasas dan pengerusi Dewan Dakwah Islam Indonesia (DDII)²⁰ pada tahun 1967 M. Melalui organisasi ini, kegiatan dakwah digerakkan dengan pengurusan yang baik, sehingga organisasi ini besar pengaruhnya di Indonesia. Berdasarkan aktiviti tersebut, M. Natsir tidak hanya dikenali sebagai tokoh pemikir, tapi ia juga adalah seorang pelaku dan pejuang dakwah. Banyak pihak menyifatkan beliau sebagai tokoh dakwah (*rijāl al-da'wah*) yang mampu mengintegrasikan dan mengaplikasikan pemikiran, konsep dan idea dalam realiti kehidupan. Hal ini sepertimana pengakuan Nurcholish Madjid.²¹

Sebagaimana HAMKA, M. Natsir juga terkenal di Indonesia, juga di peringkat antarabangsa. Sejak tahun 1967 M hinggalah meninggal dunia, beliau dilantik sebagai ahli jawatankuasa kepada empat buah organisasi Islam

²⁰ Struktur organisasinya adalah: Ketua M. Natsir, Wakil Ketua M. Rasjidi, Setiausaha Bukhari Tamam, Wakil Setiausaha Nawawi Dasuki, Bendahari Hasan Basri dan anggota Taufiqurrahman, Muchtar Lintang, Zainal Abidin Ahmad, Prawoto Mangkusasmito, Mansur Daud Datok Panglimo Kayo, Osman Raliby dan Abdul Damid. Lihat, Lukman Hakiem dan Tamsil Lindrung. (1997). *Menunaikan Panggilan Risalah: Dokumentasi Perjalanan 30 Tahun Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia*. Jakarta: DDII. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Lukman, *Menunaikan Panggilan Risalah*), m.s. 11.

²¹ Beliau lahir di Jombang, 17 Mac 1939 M, menempuh pendidikan pada sekolah rendah pagi hari dan Ibtidaiyah iaitu sekolah agama setelah petang. Melanjutkan ke Pondok Darul 'Ulum di Rejeso, Jombang, selanjutnya pada peringkat sekolah menengah, beliau melanjutkan ke Pondok Darussalam di Ponorogo. Manakala pendidikan tinggi adalah pada Fakulti Adab jurusan sastera Arab di Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta. Program Doktor Falsafah pada University Chicago, Illinois Amerika Syarikat. Lihat, Nurcholish Madjid. (1997). *Tradisi Islam: Peran dan Fungsinya dalam Pembangunan di Indonesia*. Jakarta: Paramadina. m.s. 123-124.

antarabangsa.²² Selain itu, beliau juga dianugerahi Doktor Kehormat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1991 M, kerana pemikiran dan jasa-jasa beliau dalam bidang dakwah. Ramai para sejawat mengiktiraf M. Natsir sebagai tokoh Muslim antarabangsa atau sebagai tokoh universalis.²³

Semasa hidup beliau, sebahagian besar masanya adalah untuk perjuangan Islam, baik pada peringkat kebangsaan mahupun di tiga serantau dan antarabangsa. Pada peringkat kebangsaan di Indonesia, kegiatan dakwah M. Natsir diduga berbeza dengan HAMKA. Kegiatan dakwah beliau lebih ke arah struktural, iaitu menggunakan Parti Masyumi dan Parlimen untuk memperjuangkan Islam. Selain itu beliau juga memegang jawatan Menteri Penerangan RI (1946-1949 M) dan Perdana Menteri RI (1950-1951 M). Disebabkan pemikiran, obsesi dan perjuangannya dalam bidang dakwah yang demikian kuat, maka *Allāhu yarḥam* Mustafa Basyir (w. 1990) memberikan jolokan “Panglima Dakwah” kepada M. Natsir.²⁴

Perjuangan dakwah HAMKA dan M. Natsir turut disalurkan melalui organisasi Islam. HAMKA menyalurkan seruan dakwahnya melalui organisasi Muhammadiyah dan Majlis Ulama Indonesia (MUI). Manakala M. Natsir melalui Dewan Dakwah Islam Indonesia (DDII). Meskipun kedua tokoh tersebut berasal dari daerah yang sama iaitu Minangkabau, namun mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza, tokoh-tokoh yang mempengaruhi, organisasi tempat berjuang dan sekaligus membezakan pemikiran serta pendekatan dakwah.

²² Tahun 1967 M. Natsir diamanahi sebagai *Vice President World Muslim Congress* yang bermukas di Karachi, Pakistan. Tahun 1969 menjadi Anggota *Majlis A'la al-Alami li al-Masājid* (Dewan Masjid Sedunia) yang berpusat di Mekah. Tahun 1986 sebagai anggota Dewan Pendiri *Al-Haiyah al-Khairiyah Al-Islāmiyah Al-alamiyah* yang berpusat di Kuwait. Tahun 1987 sebagai anggota Dewan Kurator *Internasional Islamic University* Islamabad Pakistan.

²³ Lihat, Abibullah Djaini, *et-al.* (1996). *Pemikiran dan Perjuangan Mohammad Natsir*. Jakarta: Pustaka Firdaus, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Abibullah, *Pemikiran dan Perjuangan*) m.s. 59.

²⁴ Anwar Harjono, *Pikiran-Pikiran Pak Natsir Mendasar*, dalam *Majalah Suara Masjid*. No. 221, Februari 1993, Jakarta: Ikatan Masjid Indonesia m.s. 9.

1. 2. Pernyataan Masalah Kajian

HAMKA dan M. Natsir merupakan penulis dan pengarang yang prolific. HAMKA telah menulis buku sebanyak 118 buah²⁵ dalam pelbagai bidang ilmu, manakala M. Natsir memiliki 52 buah buku²⁶. Kedua-duanya telah menulis sebuah buku dakwah. Buku HAMKA bertajuk *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*,²⁷ dan buku M. Natsir bertajuk *Fiqhud Da'wah*.²⁸ Selain buku tersebut, HAMKA memiliki pemikiran dan konsep dakwah yang terdapat dalam pelbagai buku lain, antaranya *Tafsir al-Azhar*. Sebagaimana disebutkan oleh Abdurrahman Wahid²⁹ bahawa hampir kesemua karya HAMKA terdapat konsep dakwah. Demikian juga halnya M. Natsir seperti buku: *Kapita Selecta, Pemandu Umat, Politik Melalui Jalur Dakwah* dan buku *Islam dan Kristian di Indonesia*.

HAMKA dan M. Natsir adalah pengasas organisasi Islam. HAMKA pengasas Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan M. Natsir pengasas Dewan Dakwah

²⁵ Solichin Salam, *et-al.* (1983). *Kenang-Kenangan 70 Tahun Buya HAMKA*. Jakarta: Pustaka Panjimas. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Solichin, *Kenang-Kenangan 70 Tahun*), m.s. 537. Antara buku HAMKA ialah: *Tafsir al-Azhar, Islam dan Adat Minangkabau, Sejarah Umat Islam dan Pelajaran Agama Islam*.

²⁶ Buku beliau antara lainnya: *Islam dan Akal Merdeka, Demokrasi di Bawah Hukum, Kebudayaan Islam Dalam Perspektif Sejarah dan Politik Melalui Jalur Dakwah*.

²⁷ Buku tersebut diterbitkan oleh Pustaka Panjimas Jakarta. Saat ini hanya dapat dikesankan cetakan kedua, tahun 1984 dengan jumlah 240 muka surat. Buku ini mengandungi dua bab. Bab pertama membahaskan prinsip-prinsip dakwah dengan 17 sub bab. Bab kedua tentang sejarah dan kaedah dakwah dengan 26 sub bab.

²⁸ Buku tersebut diterbitkan oleh Media Dakwah Jakarta. Pada masa ini hanya dapat dikesankan cetakan keempat, tahun 1983 dengan jumlah 286 muka surat. Buku ini dibahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan B. Dalam Bahagian A dibahas tiga soalan, iaitu Islam Agama Risalah dan Dakwah, Risalah Membina Peribadi dan Umat serta Jejak Risalah. Dalam Bahagian B dibahas lima soalan, iaitu Wajib Dakwah, Fiqh ad-Dakwah, Kaifiat dan Adab Dakwah, Akhlak Tiang Dakwah dan Ringkasan dan Penutup.

²⁹ Abdurrahman Wahid, akrab dipanggil Gus Dur lahir di Jombang, Jawa Timur, 7 September 1940 dan meninggal dunia di Jakarta, 30 Disember 2009 pada umur 69 tahun. Beliau tokoh Muslim Indonesia dan pemimpin politik yang menjadi Presiden Indonesia keempat dari tahun 1999 hingga 2001. Beliau menggantikan Presiden B. J. Habibie setelah dipilih oleh MPR hasil pilihan raya 1999. Penyelenggaraan pemerintahannya dibantu oleh Kabinet Persatuan Nasional. Masa kepresidenan Abdurrahman Wahid dimulai pada 20 Oktober 1999 dan berakhir pada Sidang Istimewa MPR pada Julai 2001. Kemimpinannya digantikan oleh Megawati Soekarnoputri setelah mandatnya dicabut oleh MPR. Abdurrahman Wahid adalah bekas ketua *Tanfidziyah* (badan eksekutif) Nahdlatul Ulama dan pendiri Parti Kebangkitan Bangsa (PKB). Lihat, Tjipta Lesmana. (2008). *Dari Soekarno Sampai SBY*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama. m.s. 230-231.

Islam Indonesia (DDII). HAMKA dilantik sebagai Pengerusi Pertama Majelis Ulama Indonesia, iaitu dari tahun 1975 M dan hinggalah 1981 M. Manakala M. Natsir dilantik sebagai Pengerusi DDII dari tahun 1967 M hinggalah 1993 M. Sebagai pengasas bagi organisasi masing-masing, sudah tentulah kedua-dua tokoh ini mempunyai peranan utama dalam menyusun wawasan dan misi organisasi.

Dakwah kultural dan struktural secara konsepsional selama ini belum ramai diperbincangkan di Indonesia. Padahal secara praktikal HAMKA dan M. Natsir telah melakukannya. Hal ini perlu diketengahkan sebagai permasalahan kajian.

Gagasan dakwah kultural hangat diperbincangkan di Indonesia mulai tahun 2002 M. Gagasan awal adalah daripada organisasi Muhammadiyah, dalam Sidang Tanwir di Denpasar Bali tarikh 24-27 Januari 2002 M. Selanjutnya konsep ini diperbincangkan secara lebih ilmiah dalam Sidang Tanwir di Makasar pada bulan Jun 2003 M. Akhirnya hasil perbincangan itu diterbitkan menjadi buku oleh Pimpinan Pusat Muhammadiyah dengan tajuk *Dakwah Kultural Muhammadiyah*.³⁰

Diilhami oleh konsep dakwah kultural Muhammadiyah, muncul beberapa penulis turut mem bahas nya, antara lain: Pertama, M. Amin Syukur³¹ menulis dengan tajuk: "Dilemma Dakwah Kultural Versus Struktural".³² Kedua, Muhammad Sulthon³³ menulis dengan tajuk: "Wacana Dakwah Kultural".³⁴ Ketiga,

³⁰ Syarifuddin Jurdi, Ed. (2010). *1 Abad Muhammadiyah: Gagasan Pembaruan Sosial Keagamaan*. Jakarta: Kompas. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Syarifuddin, *1 Abad Muhammadiyah*), m.s. 322.

³¹ Beliau adalah guru besar IAIN Walisongo Semarang.

³² M. Amin Syukur, "Dilemma Dakwah Kultural Versus Struktural", dalam kata pengantar untuk buku Muhammad Sulthon. (2003). *Desain Ilmu Dakwah: Kajian Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Muhammad Sulthon, *Desain Ilmu Dakwah*), m.s. xi-xvi.

³³ Beliau lahir di Kendal pada 27 Ogos 1962 M. Menyelesaikan pendidikan Doktor Falsafah pada IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Berkhidmat sebagai pensyarah pada Fakulti Dakwah IAIN Walisongo Semarang.

³⁴ Lihat, Muhammad Sulthon, *Desain Ilmu Dakwah*, m.s. 26.

Imam Mukhlas³⁵ menulis buku *Landasan Dakwah Kultural*.³⁶ Keempat, Azhari Akmal Tarigan³⁷ menulis buku *Tuan Guru H. Sulaiman Tarigan: Menyemai Islam di Tanah Karo Melalui Dakwah Kultural*.³⁸ Kelima, Buyung Ali Sihombing menulis artikel “Dakwah Kultural”³⁹

Manakala dakwah struktural dibahas lebih awal oleh beberapa pakar berbanding dengan dakwah kultural. Pertama, Abdul Azis Thaba⁴⁰ menulis buku dengan tajuk: *Islam dan Negara dalam Politik Orde Baru*, tahun 1996. Ia berkesimpulan bahawa selama orde baru terdapat tiga jenis hubungan Islam dengan negara, iaitu hubungan saling tidak percaya (1967-1982 M), hubungan saling memahami (1982-1985 M) dan hubungan saling bekerjasama (1985-1996 M).⁴¹ Kedua, Agus PR⁴² menulis buku dengan tajuk: *Dakwah Parlimen di Era Otonomi Daerah*, tahun 2005. Buku ini membahaskan tentang misi dakwah parlimen, iaitu membuat undang-undang, mengatur biaya pembangunan negara dan melakukan pengawasan terhadap pemerintah. Menurutnya tiga tugas utama parlimen, dinilai berhasil apabila dapat mendatangkan kebaikan dan perbaikan kehidupan umat.⁴³

³⁵ Lahir pada 24 Ogos 1935 di Tempurejo, Jawa Timur. Menyelesaikan pendidikan sarjana di IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, 1968 dan Doktor Falsafah 1990 di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

³⁶ Buku ini diterbitkan oleh Suara Muhammadiyah Yogyakarta tahun 2006.

³⁷ Lahir di Patumbak Deli Serdang Sumatera Utara pada 4 Disember 1972. Menyelesaikan pendidikan peringkat sarjana, magister dan Doktor Falsafah di IAIN Sumatera Utara. Sekarang sebagai pensyarah pada Fakulti Syariah IAIN Sumatera Utara Medan.

³⁸ Buku ini diterbitkan di Jakarta oleh Yayasan Sirajul Huda tahun 2006.

³⁹ Lihat, Ali Buyung Sihombing “Dakwah Kultural” dalam *Jurnal Miqot*. Medan: IAIN Press, Vol. XXVIII, Nombor 1, Januari 2004, m.s. 175.

⁴⁰ Lahir di Ujung Pandang tahun 1962. Menyelesaikan pendidikan peringkat sarjana pada Fakulti Ilmu Politik Universiti Hasanuddin Ujung Pandang tahun 1989, magister pada program studi Ilmu Politik di Universiti Gajah Mada Yogyakarta tahun 1994. Sekarang berkhidmat sebagai pensyarah pada Fakulti Ilmu Politik di Universiti Riau, Pekan Baru.

⁴¹ Abdul Azis Thaba. (1996). *Islam dan Negara dalam Politik Orde Baru*. Jakarta: Gema Insani Press. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Abdul Azis, *Islam dan Negara*), m.s.26-28.

⁴² Ia menyelesaikan pendidikan sarjana pada Fakulti Ekonomi di Universiti Indonesia (UI) dan sejak tahun 2004 menjadi anggota parlimen Provinsi Banten dari Parti Keadilan Sejahtera (PKS).

⁴³ Agus PR. (2005). *Dakwah Parlimen di Era Otonomi Daerah*. Tangerang: LP3M. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Agus PR, *Dakwah Parlimen di Era Otonomi Daerah*), m.s.1.

Ketiga, Ridwan Ramli menulis artikel dengan tajuk “Pemberdayaan Ekonomi Umat Melalui Dakwah Struktural”⁴⁴

Dakwah kultural merupakan dakwah terhadap masyarakat melalui pendekatan budaya serta kelompok masyarakat yang berbeza. Manakala dakwah struktural menggunakan institusi pemerintah dan parlimen atau dengan istilah lain dakwah melalui jalur politik. Dalam sejarah dakwah di Indonesia, HAMKA dan M. Natsir pernah terbabit dalam kedua-dua bentuk dakwah tersebut. Justeru, timbul persoalan sejauh mana keterbabit Hamka dan M. Natsir dalam dakwah kultural atau struktural. Hal inilah yang menjadi permasalahan kajian ini.

Sejarah juga pernah mencatatkan bahawa HAMKA sangat dibenci oleh sesetengah masyarakat Minangkabau kerana kritiknya terhadap beberapa adat Minangkabau yang tidak bersesuaian dengan ajaran Islam.⁴⁵ Selain itu, beliau juga pernah diarahkan untuk meletak jawatan sebagai pengerusi MUI. Nasib yang sama juga diterima oleh M. Natsir. Beliau juga turut dikecam oleh kelompok nasional sekular, kerana inisiatif beliau ingin menjadikan Islam sebagai dasar pemerintahan negara Indonesia. Perbincangan tersebut belum memberikan hasil yang pasti dan masih memerlukan penyelidikan yang berterusan.

Di samping itu, M. Natsir tetap dihormati masyarakat setempat meskipun beliau berkecimpung dalam politik. Sedangkan pada dekad ini di Indonesia, ulama yang berada dalam jalur politik dijauhi oleh umat Islam, seperti pada kes K. H.

⁴⁴ Ridwan Ramli, “Pemberdayaan Ekonomi Umat Melalui Dakwah Struktural”, dalam M. Jakfar Puteh, Ed. (2001). *Dakwah Tekstual dan Kontekstual: Peran dan Fungsi dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. (Selanjutnya dirujuk sebagai: M. Jakfar Puteh, *Dakwah Tekstual dan Kontekstual*), m.s. 155.

⁴⁵ HAMKA. (2006). *Islam dan Adat Minangkabau*. Shah Alam: Pustaka Dini. (Selanjutnya dirujuk: HAMKA, *Islam dan Adat Minangkabau*), m.s.3.

Zainuddin M.Z.⁴⁶ Justeru, situasi M. Natsir ini turut menjadi satu bentuk permasalahan kajian.

Berdasarkan hal yang telah dikemukakan di atas maka perbincangan kajian ini akan memfokuskan kepada persoalan berikut :

- 1.2.1. Bagaimanakah pemikiran HAMKA dan M. Natsir tentang dakwah yang mencakupi unsur-unsur dakwah (*anāsir al-da'wah*), iaitu pendakwah, sasaran dakwah, topik dakwah, kaedah dakwah, matlamat dakwah dan organisasi dakwah?
- 1.2.2. Bagaimanakah strategi perjuangan dakwah yang dijalankan oleh HAMKA dan M. Natsir?
- 1.2.3. Bagaimanakah aktiviti dakwah kultural dan struktural HAMKA dan M. Natsir?
- 1.2.4. Apakah pemikiran dakwah HAMKA dan M. Natsir dapat memberikan kejayaan terhadap kemajuan dakwah?

1.3. Objektif kajian

Pada amnya kajian ini bertujuan mengkaji dan menganalisis pemikiran dan strategi perjuangan dakwah HAMKA dan M. Natsir, sebagai tokoh tiga serantau, antaranya:

- 1.3.1. Mengetahui dan memahami pemikiran dakwah HAMKA dan M. Natsir yang tercakup dalam unsur dakwah, iaitu pendakwah, sasaran dakwah, topik dakwah, kaedah dakwah, matlamat dakwah dan organisasi dakwah.
- 1.3.2. Mengetahui dan memahami strategi perjuangan dakwah HAMKA dan M. Natsir.
- 1.3.3. Membandingkan pendekatan dakwah kultural dan struktural yang dilakukan oleh HAMKA dan M. Natsir.

⁴⁶ Lahir pada 2 Mac 1952 di Jakarta, hasil daripada perkongsian hidup pasangan suami isteri Turmudzi dan Zainabun. Menamatkan pendidikan pada Madrasah Aliyah dan pernah menjadi pelajar di Fakulti Ushuluddin Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Syarif Hidayatullah Jakarta. Sejak tahun 80-an dikenali sebagai mubaligh yang tersohor dan dicintai oleh umat Islam Indonesia. Dakwahnya sangat berkesan dan berjaya, sehingga beliau digelar sebagai "Pendakwah Sejuta Umat". Namun sejak menjadi pengasas dan pengerusi pertama Parti Bintang Reformasi (PBR) dan hingga setakat ini, masyarakat tidak ramai lagi untuk menjemputnya sebagai mubaligh. Lihat, Zainuddin, M.Z. (1997). *Dakwah dan Politik*. Bandung: Mizan. m.s. 35-36.

1.3.4. Menemukan konsep dakwah HAMKA dan M. Natsir yang bersesuaian dan dapat digunakan untuk kemajuan umat Islam pada alaf baru.

1. 4. Tinjauan Kajian Lepas

Pengkajian pemikiran HAMKA dan M. Natsir telah sedia wujud dalam penulisan dan kajian para pakar, sarjana mahupun di peringkat Doktor Falsafah. Pemikiran dan konsep dakwah mereka telah diselidiki dan dikaji pada masa kedua-dua tokoh ini masih lagi hidup. Selain itu, terdapat suatu tradisi di Indonesia bahawa bagi ulama yang telah berusia tujuh puluh tahun, akan ada inisiatif untuk menulis buku tentang keperibadian, pemikiran dan perjuangannya.

Dalam rangka ulang tahun ke-70 *tasyakkur* HAMKA (17 Februari 1978 M), buku bertajuk: *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya HAMKA*⁴⁷ telah ditulis oleh murid-murid beliau dengan kata alu-aluan daripada Menteri Agama Republik Indonesia (RI), Menteri Dalam Negeri RI, Menteri Penerangan RI dan Menteri Penerangan Malaysia.⁴⁸ Buku tersebut mengandungi keperibadian, pemikiran dan perjuangan HAMKA.

Buku *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya HAMKA* terdiri daripada 49 artikel. Terdapat artikel yang berhubung kait dengan tajuk penyelidikan ini, iaitu tulisan Rosihan Anwar dan Nurcholish Madjid. Rosihan Anwar menulis “HAMKA: Gema Islam dan Kumandang Dakwah”. Menurut Rosihan Anwar bahawa HAMKA sangat berperanan dalam memajukan dakwah *bi al-kitābah* melalui majalah *Gema Islam*.⁴⁹ Beliau mengisi rubrik tafsir dalam majalah tersebut. Manakala Nurcholish Madjid

⁴⁷ Buku tersebut diterbitkan oleh Pustaka Panjimas Jakarta pada tahun 1978 dengan pengerusi penerbitan Solichin Salam dan setiausaha Rusjdi serta ahli jawatankuasa Anwar Harjono, Lukman Harun, Fahmi Khatib, Mugeni, Emzita dan M. Yunan Nasution. Lihat, Solichin, *Kenang-Kenangan 70 Tahun Buya HAMKA*, m.s. xi.

⁴⁸ Menteri Penerangan Malaysia pada masa itu adalah Dato' Amar Haji Abdul Taib B. Mahmud.

⁴⁹ Majalah ini ditubuhkan pada tahun 1962 oleh Yayasan Perpustakaan Islam. Adapun sebagai pimpinan umum Mayor Jeneral Sudirman, penanggung jawab Kolonel M. Rowi dan pimpinan redaksi Rusjdi HAMKA. Lihat, Rosihan Anwar “HAMKA: Gema Islam dan Kumandang Dakwah” dalam Solichin, *Kenang-Kenangan 70 Tahun*, m.s. 248.

menulis “Buya HAMKA Profil Seorang Ulama Berjiwa Independen”. Menurut Nurcholis terdapat dua kes yang menunjukkan hal itu. Pertama; HAMKA bertindak sebagai imam salat jenazah Soekarno, sementara setengah masyarakat menuduh bekas Presiden Republik Indonesia itu sebagai orang “munafik” dan tidak boleh disalatkan. Namun HAMKA tidak menghiraukan hal itu. Kedua; kesediaan HAMKA memimpin Majelis Ulama Indonesia (MUI). Sementara setengah orang berpendapat bahawa HAMKA akan diperalat oleh pemerintah karena gagasan awal penumbuhannya berasal dari pemerintah. Namun kenyataannya HAMKA memiliki prinsip yang jelas dalam berkhidmat di MUI.⁵⁰

Pada peringkat Doktor Falsafah, Mustafa Bin Haji Daud, menjalankan penyelidikan: “Sastera Dakwah Suatu Analisis Kritis Terhadap Karya Kreatif HAMKA”.⁵¹ Hasil penyelidikannya menjelaskan bahawa dalam karya sastera HAMKA terdapat unsur akidah, syarak, akhlak dan estetika. Beliau menjadikan tauhid sebagai tema utama dalam karyanya, baik tauhid *ulūhiyyah* mahupun *rubūbiyyah*. Dalam bidang syarak, HAMKA menempatkan jihad sebagai cabaran penting dalam kehidupan, baik jihad melawan hawa nafsu mahupun melawan syaitan. Berkaitan dengan akhlak, sifat ikhlas turut dijadikan sebagai tema penting di samping gambaran keindahan alam untuk meningkatkan keimanan.⁵²

Kajian di peringkat sarjana di Universiti Sains Malaysia oleh Yusril Yazid (1999 M), bertajuk “Dakwah dan Paham Adat Matrilineal di Minangkabau Perspektif HAMKA: Kajian Terhadap roman-roman Karya HAMKA”. Hasil kajiannya mengungkapkan bahawa adat Minangkabau sebahagiannya bertentangan

⁵⁰ Lihat, Ibid. m.s. 386-387.

⁵¹ Mustafa Bin Haji Daud. (1992). “Sastera Dakwah Suatu Analisis Kritis Terhadap Karya Kreatif HAMKA”. *Tesis Doktor Falsafah*, di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia.

⁵² Ibid. m.s. 316.

dengan hukum Islam. Umpamanya cabaran harta pusaka, wanita lebih berkuasa dalam keluarga dan lelaki memiming wanita. Dalam kajian Yusril, dijelaskan bahawa roman-roman HAMKA mencuba untuk mengkritik dan mengubah adat tersebut agar bersesuaian dengan hukum Islam. Perubahan itu dilakukan melalui ceramah (*bi al-lisān*) dan karya tulis (*bi al-kitābah*). Namun HAMKA mengalami hambatan dalam melakukan perubahan itu dan ia kurang disenangi oleh sesetengah masyarakat di Minangkabau.

Kajian Siti Hajar Che Man, “Peranan dan Kedudukan Wanita dalam Novel-novel HAMKA”, tahun 2001.⁵³ Hasil kajian mengungkapkan antaranya bahawa adegan dari episod-episod dalam novel-novel karya HAMKA mengemukakan ragam tingkah laku wanita, umpamanya seorang ibu yang berhati mulia.⁵⁴ Episod dalam *Keadilan Ilahi*, menyaksikan watak Shamsiah yang berani menentang suaminya yang selama ini dalam pegangan adat.⁵⁵ Watak Hayati dalam *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck* mencerminkan bagaimana anak gadis yang bebas dari keterikatan adat, namun memiliki kesetiaan cinta hingga ke akhir hayat.⁵⁶ Manakala satu kesimpulan penting yang diungkapkan bahawa karya-karya HAMKA menjadi satu saluran pendedahan kepada umum tentang penentangan masyarakat Minangkabau secara terbuka terhadap adat dan akibat-akibat buruk dalam hidup generasi yang akan datang.⁵⁷

⁵³ Lihat, dalam buku *HAMKA dan Transformasi Sosial di Alam Melayu*. Kumpulan kertas kerja pada “Seminar Pemikiran HAMKA ke-2” tarikh 28 Julai 2001 di Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia. m.s. 113.

⁵⁴ Ibid. m.s. 115.

⁵⁵ Ibid. m.s. 116.

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Ibid. m.s. 126.

Kajian Muhammad Sofyan pada peringkat Sarjana dengan tajuk: “Pemikiran dan Aktivitas Dakwah HAMKA di Medan (1936-1943 M), tahun 2003.⁵⁸ Hasil kajian ini mengungkapkan bahawa semasa di Medan, HAMKA telah melakukan dakwah integral, iaitu dakwah *bi al-lisān*, *bi al-kitābah* dan *bi al-ḥāl*. Daripada tiga bentuk dakwah ini, yang paling menonjol adalah dakwah *bi al-kitābah* melalui majalah *Pedoman Masyarakat*.⁵⁹

Sama halnya dengan HAMKA, kajian tentang M. Natsir turut dihasilkan oleh ramai pengkaji atau sarjana. Antaranya dalam sebuah buku berjudul: *M. Natsir 70 Tahun Kenang-Kenangan, Kehidupan dan Perjuangan*, tahun 1978 oleh Yusuf Abdullah Puar sebagai editor. Buku tersebut juga menggarap tentang keperibadian, pemikiran dan perjuangan M. Natsir. Selain itu, terdapat tiga buku lain yang ditulis berkenaan dengan tiga hal di atas. Pertama, buku *Percakapan Antar Generasi: Pesan Perjuangan Seorang Bapak*⁶⁰ tahun 1989 oleh A. W. Pratiknya sebagai editor. Dalam buku ini dibincangkan pemikiran M. Natsir tentang kebangkitan Islam, gagasan pembaharuan Islam, umat Islam dalam gelanggang sejarah, umat Islam dan rekaan sosial, dakwah dan pengembangan masyarakat, Islam dan kebudayaan serta Islam pada peringkat antarabangsa.

Kedua, buku *Pemikiran dan Perjuangan Mohammad Natsir*⁶¹ tahun 1996 oleh Abibullah Djaini sebagai editor. Buku ini membincangkan tentang pemikiran

⁵⁸ Lihat, Muhammad Sofyan. (2003). “Pemikiran dan Aktivitas Dakwah HAMKA di Medan (1936-1943 M)”. *Tesis Magister pada Program Pascasarjana*, di Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara Medan.

⁵⁹ Lihat, *Ibid.* m.s. 104-105.

⁶⁰ Buku ini merupakan siri temu bual antara M. Natsir dengan M. Amien Rais, Kuntowijoyo (1943-2005 M), Endang Saifuddin Anshari (1938-1996 M) dan Yahya A. Muhaimin dari tahun 1986-1987 M. Kemudian, disunting oleh A. W. Pratiknya dan diterbitkan oleh Dewan Dakwah Islam Indonesia dan Makmal Dakwah Jakarta tahun 1989 M.

⁶¹ Buku ini pada mulanya merupakan hasil seminar pada peringkat kebangsaan atas anjuran *Youth Islamic Study Club (YISC)* tarikh 16 Mei 1996 di Jakarta, bertajuk: “Pemikiran dan Perjuangan Mohammad Natsir”. Kemudian, selepas disunting diterbitkan semula oleh Pustaka Firdaus tahun 1996 M.

dan perjuangan M. Natsir secara umum oleh sepuluh orang pakar pada peringkat kebangsaan. Terdapat tulisan Yusril Ihza Mahendra⁶² yang berhubung kait dengan tesis ini yang bertajuk: “Mohammad Natsir dan Sayyid Abū al-A’la al-Maudūdi” (1903-1979 M)”. Menurut Yusril, pada pandangan M. Natsir, Islam merupakan agama yang lengkap dan sempurna. Namun demikian, beliau menafsirkan doktrin sosial politik Islam secara fleksibel, sehingga beliau dikategorikan sebagai tokoh modenisme politik.⁶³

Ketiga, buku *Pemimpin Pulang: Rekaman Peristiwa Meninggalnya M. Natsir*⁶⁴ tahun 1993 oleh Lukman Hakiem sebagai penyunting. Buku ini merupakan komentar dari pelbagai tokoh dan pakar tentang keperibadian, pemikiran dan perjuangan M. Natsir selama hidupnya yang diceritakan dalam beberapa majalah dan akhbar di Indonesia. Sebahagian komentar tersebut relevan dengan tajuk tesis ini.

Kemudian secara khusus dituliskan pula sebuah buku: *100 Tahun Mohammad Natsir*,⁶⁵ pada tahun 2008. Buku ini diwujudkan dalam rangka

⁶² Beliau lahir di Pulau Belitung pada 5 Februari 1956. Menempuh pendidikan tinggi di Fakulti Hukum Universiti Indonesia (UI) jurusan Hukum Tata Negara. Manakala program Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Indonesia (UI) dan pernah menjadi Menteri Hukum dan Perundang-Undangan semasa pemerintahan Presiden Megawati Soekarno Putri.

⁶³ Yusril Ihza Mahendra, “Mohammad Natsir dan Sayyid Abū al-A’la al-Maudūdi: Telaah tentang Dinamik Islam dan Transformasi ke Dalam Ideologi Sosial dan Politik”, dalam Abibullah, *Pemikiran dan Perjuangan Mohammad Natsir*, m.s. 63.

⁶⁴ Buku ini merupakan kumpulan tulisan yang dihimpun daripada pelbagai akhbar di Indonesia pada masa M. Natsir wafat, Ahad 7 Februari 1993. Kemudian diedit dan diterbitkan semula oleh Piranti Ilmu Jakarta tahun 1993.

⁶⁵ Buku tersebut merupakan kumpulan tulisan daripada pelbagai seminar. Pertama, seminar bertajuk “Membedah Pemikiran Pendidikan M. Natsir” oleh Universiti Islam Bandung. Kedua, “Mengkaji Politik Dakwah M. Natsir” oleh Fakulti Dakwah Universiti Islam Negeri (UIN) Jakarta. Ketiga, bertajuk “Membedah Pemikiran Politik M. Natsir”, oleh Universiti Islam Yogyakarta. Keempat, “Mengungkap Fakta di Balik Peristiwa PRRI” oleh Universiti Islam Riau di Pekanbaru. Kelima, “Mengkaji Pemikiran Dakwah M. Natsir” oleh Universiti Muslim Indonesia (UMI) Makasar. Keenam, bertajuk “Refleksi 58 Tahun Mosi Integral: Merawat NKRI Menghempang Potensi Disintegrasi Bangsa” oleh Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universiti Jenderal Soedirman Purwokerto. Lihat, Lukman Hakiem, Ed. (2008). *100 Tahun Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah*. Jakarta: Republika, (Selanjutnya dirujuk sebagai: Lukman, *100 Tahun Mohammad Natsir*), m.s.viii.

mengenang kembali pemikiran dan perjuangan beliau. Satu daripada tujuh bab yang terdapat dalam buku ini bertajuk “Dakwah dan Pendidikan”. Pada bab tujuh terdapat dua artikel yang berhubung kait dengan dakwah iaitu “Mohammad Natsir Muslim Teolog-Intelektual-Indeo-Praxis dalam Dakwah Islam” oleh Amrullah Ahmad⁶⁶ dan tulisan A.M. Fatwa⁶⁷ dengan tajuk “M. Natsir: Dakwah dan Politik”.

Menurut Amrullah Ahmad terdapat lima sumbangan utama M. Natsir terhadap kejayaan dakwah. Pertama, aktiviti dakwah haruslah berasaskan nilai tauhid. Kedua, institusi pendidikan yang dibangunkannya merupakan tindak balas terhadap sistem pendidikan kolonial Belanda. Ketiga, dakwah struktural yang dilakukan M. Natsir dalam usaha mewujudkan negeri yang diredhai Allah s.w.t. Keempat, M. Natsir menggunakan pelbagai alternatif dakwah, iaitu apabila suatu alternatif tergendala, digunakan alternatif dakwah yang lain. Kelima, M. Natsir memiliki kesepaduan antara konsep dan perjuangan dakwah.⁶⁸

Menurut A. M. Fatwa, M. Natsir berpandangan bahawa dakwah dan politik tidak dapat dipisahkan. Dalam menjalankan kedua-duanya haruslah berasaskan kepada akhlak mulia (*akhlaq al-karimah*). Menurut M. Natsir, politik merupakan praktikal terhadap *al-amr bi al ma'ruf wa an nahy 'an al-munkar*. Oleh itu, umat Islam harus memberi sokongan jika politik berjalan secara baik dan harus memberikan kritikan jika salah.⁶⁹

Pada peringkat Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia, Mohammad Noer (1999 M) menjalankan kajian “M. Natsir Pemikiran dan Perjuangan Tentang

⁶⁶ Ia lahir di Banjarnegara pada 5 Oktober 1954. Menyelesaikan kuliah peringkat sarjana pada Fakulti Dakwah IAIN Sunan Kalijaga, 1979 dan Fakulti Filsafat Universiti Gajah Mada, 1982. Setakat ini menjadi Ketua Majlis Ulama Indonesia.

⁶⁷ Ia menyelesaikan kuliah peringkat sarjana pada Fakulti Ketatanegaraan dan Ketataniagaan Universiti 17 Agustus (UNTAG), Surabaya, 1970 M. Dalam bidang politik pernah menjadi Wakil Ketua DPR RI masa berkhidmat 1999- 2004 M dan Wakil Ketua MPR masa berkhidmat 2004-2009 M.

⁶⁸ Lukman, *100 Tahun Mohammad Natsir*. m.s. 397-403.

⁶⁹ Ibid. m.s. 412-413.

Islam, Politik dan Negara 1940-1960 M". Penelitian ini mendedahkan bahawa M. Natsir dikenali sebagai salah seorang yang memberi sumbangan besar dalam gerakan reformasi di Indonesia. Oleh itu, dalam fikiran dan perjuangan beliau kerap menggunakan konsep Islam dalam pentadbiran negara. Hal ini dapat dibuktikan daripada pembelaannya terhadap penyatuan agama dan negara menerusi perdebatan yang panjang dengan kumpulan Nasional sekular yang dipelopori oleh Soekarno (1901-1970 M). M. Natsir dan rakan-rakannya daripada kumpulan nasional Islami seperti HAMKA (1908-1981 M), K.H. Masykur (1899-1992 M), K. H. Isa Anshary (1916-1969 M) dan K. H. Saifuddin Zuhri (1919-1986 M), berjuang secara konstitusional untuk menjadikan Islam sebagai dasar negara.⁷⁰ Usaha ini dilakukan kerana menurut M. Natsir Islam adalah agama yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia.⁷¹

Kajian Mhd. Syahminan pada peringkat Sarjana di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara Medan, bertajuk "Pemikiran Politik Islam di Indonesia: Perbandingan M. Natsir dengan M. Amien Rais"⁷². Dapatan kajian tentang pemikiran politik M. Natsir dan M. Amien Rais⁷³ mengikut pandangan tokoh-tokoh di Timur Tengah iaitu Muḥammad Abduh (1849-1905 M), Sayyid

⁷⁰ Lihat, Ahmad Syafi'i Ma'arif. (2006). *Islam dan Pancasila Sebagai Dasar Negara*. Edisi Revisi. Jakarta: LP3ES. m.s.161-165.

⁷¹ Lihat, Mohammad Noer (1999). "M. Natsir Pemikiran dan Perjuangannya Tentang Islam, Politik dan Negara 1940-1960". *Tesis Doktor Falsafah*, di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, m.s. 256.

⁷² Lihat, Mhd. Syahminan. (2003). "Pemikiran Politik Islam di Indonesia: Perbandingan M. Natsir dengan M. Amin Rais". *Tesis pada Program Pascasarjana*, di Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara Medan.

⁷³ M. Amien Rais, lahir di Surakarta pada 26 April 1944 M. Tokoh yang dikenali sebagai pelopor reformasi di Indonesia tahun 1998. Beliau menyelesaikan pendidikan tinggi peringkat sarjana di Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universiti Gajah Mada Yogyakarta 1968 M dan Sarjana Muda di Fakulti Tarbiyah Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta pada 1969 M. Program Sarjana dalam bidang ilmu politik di *Universty of Notre Dame*, Amerika Syarikat. Manakala program Doktor Falsafah dari *University of Chicago* Amerika Syarikat tahun 1981 M. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Gajah Mada Yogyakarta dan menjadi Ketua Umum Muhammadiyah penggalan 1995-2000 M. Lihat, M. Amien Rais. (1991). *Cakrawala Islam*. Bandung: Mizan. (Selanjutnya dirujuk sebagai: M. Amien Rais, *Cakrawala Islam*), m.s. 5.

Muhammad Rasyīd Riḍa (1862-1935 M) dan Sayyid Abu al A'la al Maududi. Pada pandangan M. Natsir, Islam telah menggariskan prinsip politik secara umum, sementara aspek-aspek khusus harus diubah suai dengan sosial politik kebangsaan. M. Natsir memandang politik sebagai salah satu cara mewujudkan matlamat Islam dan politik merupakan aspek dakwah untuk merealisasikan Islam melalui struktur kenegaraan. Manakala pada pandangan M. Amien Rais, politik harus berteraskan tauhid dan menginginkan agar akhlak Islam harus mewarnai kehidupan kebangsaan dengan gagasan politik yang berwatak tauhid.⁷⁴

Berdasarkan kajian terdahulu yang digariskan di atas, tajuk yang bakal dikaji ini belum pernah diterokai. Oleh sebab itu, kajian ini merupakan kajian asli, yang boleh melengkapkan ruang-ruang yang belum diterokai untuk kejayaan dakwah Islam pada masa hadapan, iaitu kajian tentang pemikiran dakwah HAMKA dan M. Natsir yang merangkumi hubung kait Islam dengan dakwah, pendakwah, mesej dakwah, kaedah dakwah, matlamat dakwah dan organisasi dakwah. Selain itu, perjuangan mereka turut dikaji dalam konteks dakwah kultural dan struktural di Indonesia.

1. 5. Skop Kajian

HAMKA dan M. Natsir merupakan dua tokoh yang memiliki bidang pemikiran yang berbeza. Pemikiran HAMKA meliputi lima hal, iaitu agama, sastera, politik, falsafah dan kebudayaan. Dalam bidang agama, pemikiran dan kemampuan HAMKA sangat menonjol dalam tafsir, tasawuf, dakwah, sejarah Islam

⁷⁴ Lihat, Syahminan, "Pemikiran Politik". m.s. 125-128.

dan pendidikan.⁷⁵ Sedangkan pemikiran M. Natsir dapat dikelaskan dalam lima bidang, iaitu agama, falsafah, kebudayaan, politik, dan pendidikan. Disebabkan luasnya bidang pemikiran yang dicakupinya, maka penyelidikan ini hanya tertumpu pada pemikiran HAMKA dan M. Natsir dalam bidang agama dan terhad bagi dakwah sahaja. Dalam bidang dakwah juga terdapat pelbagai unsur. Oleh kerana itu, kajian ini lebih difokuskan pada enam unsur dakwah sahaja, iaitu pendakwah, sasaran dakwah, topik dakwah, kaedah dakwah, matlamat dakwah dan organisasi dakwah.

Kedua-dua tokoh tersebut juga memiliki bidang perjuangan yang luas. Namun kajian ini hanya memfokuskan dalam bidang dakwah sahaja terutamanya pada dua pendekatan dakwah iaitu dakwah kultural dan struktural.

1. 6. Kepentingan Kajian

Matlamat dakwah meliputi teori dan praktik yang setiap satunya amat berhubung kait. Penyelidikan ini memfokuskan tentang pemikiran dan perjuangan HAMKA dan M. Natsir yang akan memperlihatkan kepentingan kepada perjuangan pembangunan dakwah, umpamanya:

- 1.6.1. Memberikan gambaran yang lebih lengkap tentang pemikiran HAMKA dan M. Natsir dalam bidang dakwah.
- 1.6.2. Memberikan data yang lebih lengkap tentang perjuangan HAMKA dan M. Natsir dalam bidang dakwah.
- 1.6.3. Memberi manfaat kepada organisasi Islam dan pemerintah dalam pengembangan dan penerapan dakwah kultural dan struktural yang lebih berkesan.

⁷⁵ Pengkaji terdahulu belum menemukan pemikiran HAMKA dalam bidang pendidikan, namun kemudian Samsul Nizar menemukannya. Pemikiran HAMKA tentang pendidikan Islam didasarkan pada tiga aspek potensi, iaitu jiwa, jasad dan akal. Lihat, Samsul Nizar. (2008). *Memperbincangkan Dinamika Intelektual dan Pemikiran HAMKA tentang Pendidikan Islam*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Samsul Nizar, *Memperbincangkan Dinamika Intelektual*), m.s. 227.

1.6.4. Menjadi bahan rujukan bagi para sarjana, pemikir dan pengkaji tentang dakwah kultural dan struktural berikutnya.

1. 7. Kaedah Kajian dan Teknik Penulisan

1.7.1. Pendekatan Kajian

Sebagai suatu penyelidikan tentang pemikiran tokoh pada masa lalu dalam aspek ajaran Islam iaitu dakwah, maka pendekatan historis digunakan. Salah satu bentuk pendekatan historis adalah penyelidikan biografi yang menyelidiki dan mengkaji pemikiran dan perjuangan tokoh tentang persoalan tertentu.⁷⁶

1.7.2. Pengumpulan Data

Dalam menjalankan penyelidikan ini, data diperoleh dan dikumpulkan dari dua kaedah, iaitu perpustakaan dan lapangan.

1.7.2.1. Data dari perpustakaan

Pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan untuk memperoleh data primer mahupun data sekunder. Data primer atau data asas tentang pemikiran dan perjuangan HAMKA dan M. Natsir diperoleh antara lain diperoleh daripada buku berikut:

HAMKA. (1984). *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.

HAMKA. (2002). *Hak Asasi Manusia Dalam Islam dan Deklarasi PBB*. Shah Alam: Pustaka Dini.

HAMKA. (2004). *Merantau Ke Deli*. Cet. II. Shah Alam: Pustaka Dini.

HAMKA. (2005). *Tafsir al-Azhar*. Cet. VI. Singapura: Pustaka Nasional.

⁷⁶ Moh. Nazir (1988). *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Moh. Nazir, *Metode Penelitian*), m.s. 62.

- HAMKA. (2006). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Cet. Ketiga. Jakarta: Bulan Bintang.
- HAMKA. (1986). *Sejarah Umat Islam*. Cet. VII. Jakarta: Bulan Bintang.
- M. Natsir. (1969). *Islam dan Kristen di Indonesia*. Bandung: Pelajar dan Bulan Sabit.
- M. Natsir. (1983). *Fiqhud Dakwah*. Jakarta: Media Dakwah.
- M. Natsir. (1998). *Politik Melalui Jalur Dakwah*. Jakarta: Abadi
- M. Natsir. (2001). *Agama dan Negara Dalam Perspektif Islam*. Jakarta: Media Dakwah.
- M. Natsir. (2004). *Islam Sebagai Dasar Negara*. Bandung: Segi Arsy.

Buku-buku di atas merupakan sumber data primer kerana ia ditulis oleh HAMKA dan M. Natsir. Manakala data sekunder atau data tambahan, diperoleh daripada buku-buku lain, jurnal, artikel dan akhbar yang ditulis oleh para sarjana mengenai pemikiran HAMKA dan M. Natsir dalam bidang dakwah. Untuk kepentingan penelitian ini, data sekunder relatif amat berkaitan, baik yang ditulis pada saat HAMKA dan M. Natsir masih hidup mahupun setelah mereka meninggal dunia.

Kajian juga melibatkan beberapa perpustakaan di Indonesia dan Malaysia iaitu Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), Perpustakaan Pusat Islam USM, Perpustakaan Universiti Malaysia (UM), Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara, Perpustakaan Universiti Sumatera Utara (USU), Perpustakaan Universiti Islam Sumatera Utara (UISU), Perpustakaan Universiti Tjut Nyak Dhien (UNTD) Medan, Perpustakaan Majelis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, MUI Kota Medan, Perpustakaan Universiti Negeri Medan (UNIMED) dan Perpustakaan Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta.

1.7.2.2. Data dari lapangan

Data lapangan diperoleh melalui temu bual tidak terstruktur. Tujuan temu bual untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang pemikiran dan perjuangan dakwah HAMKA dan Natsir yang menjadi soalan kajian. Mereka yang ditetapkan sebagai sumber data lapangan adalah seramai empat orang, iaitu pimpinan organisasi keagamaan di Indonesia, iaitu Ketua Majelis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara dan Ketua Muhammadiyah Sumatera Utara serta tokoh adat Minangkabau dan seorang pakar akademik. Beliau adalah Amroeni Drajat, ahli pemikiran Islam di Fakulti Ushuluddin IAIN Sumatera Utara Medan. Beliau dipilih kerana diiktirafkan kepakaran dalam bidang pemikiran Islam terutama di Medan. Temu bual dimaksudkan agar meperoleh data dan mengesahkan maklumat.

1.7.3. Teknik Pengolahan dan Analisis Data

Langkah-langkah yang digunakan dalam pengolahan data ialah: Pertama, membaca semua buku dan sumber data yang telah ditentukan dengan memberikan tanda-tanda untuk mengenali informasi atau data penting. Kedua, data yang sama atau sejenis dikelompokkan ke dalam suatu unit. Selanjutnya data berkenaan dikelaskan. Ketiga, data yang tidak bersesuaian dengan kajian ini dipisahkan. Data yang diperoleh dikemukakan secara menyeluruh, dibahas, dianalisis dan akhirnya dibuat kesimpulan.

Analisis data dilakukan dengan cara menganalisis isi, setelah membaca semua literatur sedia ada, baik yang mengandungi data primer, data sekunder mahupun dapatan temu bual. Gagasan, idea atau pemikiran yang sama

dikelompokan dalam satu bidang.⁷⁷ Pemikiran kedua-dua tokoh ini dibandingkan, untuk menemukan persamaan dan perbezaan. Perbincangan juga akan dibahas daripada dalil-dalil dari al-Quran dan Hadis.⁷⁸ Dalam menghasilkan kesimpulan digunakan kaedah deduktif dan induktif. Deduktif adalah membuat kesimpulan dari yang bersifat umum kepada yang khusus. Manakala induktif, menarik kesimpulan dari yang bersifat khusus kepada yang umum.⁷⁹ Akhirnya keseluruhan hasil analisis disusun secara sistematik dan logik.

⁷⁷ Klaus Krippenderff. (1993). *Analisis Isi*. Terj. Farid Wajdi. Jakarta: Raja Grafindo Persada. m.s. 112.

⁷⁸ Syahrin Harahap. (1995). *Penuntun Penulisan Karya Ilmiah: Studi Tokoh dalam Bidang Pemikiran Islam*. Medan: IAIN Press. m.s. 20.

⁷⁹ Burhan Bungin. (2001). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Jakarta: Raja Grafindo Persada. m.s. 209.

BAB 2

KONSEP DAKWAH ISLAM

2.1. Pengenalan

Pada amnya dakwah masih difahami dalam erti yang terhad dan sempit, iaitu hanya sebagai ceramah, tabligh, *ta'lim* dan khutbah Jumaat.¹ Pemahaman itu perlu diluruskan dengan memberikan kefahaman yang tepat dan betul. Oleh itu, dalam bab ini huraian dimulakan dengan memberikan takrif dakwah, sama ada secara etimologi (*lughah*) mahupun secara terminologi (*iṣṭilāḥ*) berdasarkan pendapat ulama yang memiliki kepakaran dalam bidang dakwah.

Bab ini juga akan menghuraikan istilah-istilah yang semakna dan berhubung kait dengan dakwah, iaitu *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*, *tablīgh*, *tabsyīr* dan *indhār*. Perbincangan akan menjurus kepada ruang lingkup dakwah, yang merangkumi semua bentuk aktiviti dakwah, iaitu dakwah *bi al-lisān*, *bi al-kitābah* dan dakwah *bi al-ḥāl*. Kemudian, pada bahagian akhir bab ini akan dihuraikan tentang konsep dakwah kultural dan struktural.

2.2. Definisi Dakwah

Dakwah dalam aktiviti praktikal sudah lama dilakukan oleh para Nabi, iaitu sejak Nabi Adam a.s. hinggalah Nabi Muhammad s.a.w. dan kemudian dilanjutkan oleh para sahabat Nabi, *tābi'īn* dan penganut dakwah Nabi hingga kini. Namun rumusan definisi dakwah baru diberikan kemudian. Perumusan

¹ Aep Kusnawan. (2009). *Dimensi Ilmu Dakwah*. Bandung: Widya Padjadjaran. (Selanjutnya dirujuk sebagai: Aep Kusnawan, *Dimensi Ilmu Dakwah*), m.s. 15.